



**GARIS PANDUAN INSENTIF
POTONGAN CUKAI DUA KALI (DTD)
BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN DI BAWAH
SEKSYEN 34B AKTA CUKAI PENDAPATAN
(ACP) 1967**

**Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Teknologi MARA**

1. PENGENALAN

- 1.1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengiktiraf dan memberi kelulusan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sebagai “Institut Penyelidikan Yang Diluluskan” di bawah Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 mulai 1 Januari 2022.
- 1.2. Dengan kelulusan ini, setiap syarikat yang memberi sumbangan wang tunai atau bayaran perkhidmatan (bukan merupakan perbelanjaan modal) kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bagi tujuan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) selagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MOF adalah layak untuk menerima potongan cukai sebanyak dua kali di bawah Seksyen 34B ACP 1967.
- 1.3. Tujuan dan manfaat insentif pengurangan cukai ini adalah seperti berikut:
 - i. Menggalakkan syarikat dalam menjalinkan kerjasama strategik dengan UiTM dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan penemuan baharu atau menyelesaikan masalah yang telah dipersetujui.
 - ii. Menarik minat syarikat untuk memberi sumbangan dana kepada universiti dan mendapatkan insentif potongan cukai sebanyak dua kali (DTD) ke atas perbelanjaan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D).
 - iii. Memperkasakan dan mengembangkan kepakaran penyelidik seterusnya visibiliti penyelidikan UiTM melalui kolaborasi dengan syarikat.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Menerangkan tatacara dan proses pelaksanaan insentif potongan cukai sebanyak dua kali (DTD) seperti yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) selaras dengan Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.
- 2.2. Menerangkan peranan dan tanggungjawab syarikat pemberi dana, penyelidik, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) serta Unit Kewangan Zon 17, Pejabat Bendahari UiTM.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- 3.1. Aktiviti R&D hendaklah memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan untuk insentif boleh dituntut sebagai potongan khas di bawah Seksyen 34B ACP (potongan dua kali) seperti berikut:
 - i. Mempunyai objektif untuk:
 - a. Memperolehi pengetahuan baharu;
 - b. Mencipta produk baharu atau proses baharu; atau
 - c. Penambahbaikan pada produk atau proses yang sedia ada.
 - ii. Melibatkan perkara yang baharu (sesuatu yang baharu); atau risiko teknikal; dan
 - iii. Merupakan kajian sistematik, penyiasaan dan eksperimen dalam bidang Sains dan Teknologi.

3.2. Kriteria aktiviti R&D yang **TIDAK LAYAK** untuk mendapat potongan khas adalah:

- i. kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk;
- ii. penyelidikan dalam sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
- iii. pemungutan data rutin;
- iv. kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
- v. penyelidikan pasaran atau promosi jualan;
- vi. pengubahsuaian atau perubahan rutin kepada bahan-bahan, peranti, proses atau kaedah pengeluaran, atau
- vii. pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran.

4. SYARAT PERMOHONAN

- 4.1. Projek penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana staf UiTM yang hendaklah disokong oleh dokumen perjanjian yang dimeterai antara UiTM dengan syarikat pemberi dana;
- 4.2. Syarikat pemberi dana mestilah berdaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia untuk menjalankan kajian penyelidikan sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967;
- 4.3. Projek penyelidikan yang terlibat mestilah mendapat kelulusan dan berdaftar dengan RMC, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
- 4.4. Jumlah sumbangan oleh syarikat adalah sekurang-kurangnya **RM5,000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu)**
- 4.5. Pihak universiti berhak mengenakan caj perkhidmatan penyelidikan sebanyak **5%** daripada sumber dana yang diperolehi oleh RMC.

5. TANGGUNGJAWAB PENYELIDIK

- 5.1. Bertanggungjawab untuk menyelesaikan projek seperti yang telah dipersetujui bersama dan menepati kehendak syarikat dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.2. Memastikan maklumat kewangan disimpan dengan lengkap bagi tujuan pelaporan dan pengauditan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
- 5.3. Mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan secara berkala mengikut ketetapan syarikat dan salinan laporan tersebut kepada RMC.
- 5.4. Pelanjutan tempoh projek penyelidikan hanya dibenarkan jika mendapat kebenaran dari syarikat pemberi dana.
- 5.5. Menghantar laporan akhir penyelidikan kepada syarikat pemberi dana dan salinan laporan kepada RMC.
- 5.6. Mematuhi peraturan dan prosedur perolehan/ pembelian adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan universiti yang sedang berkuatkuasa.
- 5.7. Penyelidik hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan mengekalkan kepercayaan syarikat terhadap universiti.
- 5.8. Penyelidik perlu memastikan perjanjian di antara UiTM dan syarikat pemberi dana bagi projek penyelidikan yang berkaitan, telah diluluskan oleh pihak pengurusan tertinggi UiTM
- 5.9. Penyelidik hendaklah tidak mempunyai kepentingan dan/ atau hubungan dengan mana-mana pengarah, pemegang saham atau pegangan saham di dalam syarikat pemberi dana.










6. PANDUAN / TATACARA PERMOHONAN

- 6.1. Bagi tujuan permohonan pendaftaran geran industri dan kelayakan potongan cukai dua kali (DTD), penyelidik hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut:
 - i. Borang Permohonan Pendaftaran Geran Luar
 - ii. Kertas Cadangan Penyelidikan Yang Telah Diluluskan
 - iii. *Letter of Award (LOA)/ MoA/ Research Agreement* daripada pihak syarikat
 - iv. Borang Perancangan Bajet
 - v. Borang Permohonan Kelayakan DTD
- 6.2. Kelayakan insentif potongan cukai dua kali (DTD) perlu melalui proses penilaian kelayakan DTD oleh Panel Penilai.
- 6.3. Setelah pendaftaran geran dan syarat kelayakan DTD telah diperolehi, syarikat pemberi dana hendaklah menyalurkan peruntukan kepada Pejabat Bendahari UiTM seperti dalam surat kelulusan geran dan mendapatkan resit sebagai bukti sumbangan.
- 6.4. Syarikat seterusnya memajukan permohonan DTD kepada LHDNM dengan melengkapkan dokumen seperti berikut :
 - i. Borang 3 (SEK 34B ACP 1967)
 - ii. Resit rasmi daripada Pejabat Bendahari UiTM (UKZ 17)
 - iii. Surat Pengesahan RMC
 - iv. Salinan sijil pengiktirafan UiTM di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan
 - v. Jadual aktiviti R&D
 - vi. Penjelasan berkaitan sesuatu yang baharu atau risiko teknikal yang terlibat semasa aktiviti R&D
- 6.5. Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab sekiranya syarikat tidak dapat membuat tuntutan potongan cukai sebanyak dua kali. Syarikat hendaklah menyemak dan memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 34B ACP 1967 dan kelulusan DTD tertakluk sepenuhnya kepada pihak LHDNM.

Disediakan oleh :

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN GERAN DAN INSENTIF POTONGAN CUKAI DUA KALI (DTD) BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI BAWAH SEKSYEN 34B AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967

TINDAKAN	CARTA ALIR	PERINCIAN
		Mula
Penyelidik		<ul style="list-style-type: none"> - Berurusan dengan syarikat mengenai cadangan aktiviti R&D - Sediakan kertas cadangan penyelidikan
Syarikat		<ul style="list-style-type: none"> - Surat tawaran kelulusan projek yang melibatkan aktiviti R&D kepada penyelidik
Penyelidik		<ul style="list-style-type: none"> - Menguruskan dokumen perjanjian penyelidikan bersama syarikat - Menghantar permohonan pendaftaran geran kepada RMC - Memohon insentif potongan DTD bagi pihak syarikat
RMC		<ul style="list-style-type: none"> - Semakan, penilaian dan pengesahan pendaftaran geran - Semakan, penilaian dan pengesahan kelayakan DTD (Panel Penilai)
Syarikat		<ul style="list-style-type: none"> - Menyalurkan peruntukan dana secara tunai seperti yang dinyatakan dalam surat kelulusan geran kepada Bendahari UiTM
UKZ 17 (Pejabat Bendahari)		<ul style="list-style-type: none"> - Mengeluarkan resit rasmi UiTM berdasarkan peruntukan diterima
Syarikat		<ul style="list-style-type: none"> - Terima resit rasmi dan salinan sijil MOF daripada UiTM - Hantar taksiran cukai tahunan syarikat dan dokumen sokongan kepada LHDNM
		Tamat